

Parit Buntar: Lebih 200 nelayan meluahkan rasa marah dengan kewujudan lebih 100 kolam udang diakwa haram di tapak seluas 81 hektar di pinggiran Sungai Kurau, malah sebahagiannya masih dalam fasa pembinaan.

Kerana itu, kumpulan nelayan berkenaan memohon Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat perkara terbabit memandangkan banyak aduan dikemukakan kepada agensi kerajaan berkaitan, namun tiada sebarang tindakan diambil.

Ia seterusnya mewujudkan persoalan adakah projek haram terbabit di-dalangi individu tertentu yang 'kebal' daripada tindakan undang-undang.

Wakil nelayan, Mohd Radzi Said, 53, berkata, isu kolam udang haram ini seakan tiada kesudahan malah kini umpama cendawan tumbuh.

"Ini kerana, kolam haram terbabit bukan saja dibina di kawasan bukan zon akuakultur, malah ia bakal menjelaskan pendapatan nelayan kerana jaraknya hanya dua meter dari gigi air.

"Persoalannya, siapa datang di sebalik pembinaan kolam terbabit dan mengapa umpama tiada tindakan susulan diambil terhadap kolam itu?" katanya.

Menurut Mohd Radzi, pada sesi dialog terdahulu dengan wakil agensi kerajaan, pihaknya menjangkakan isu terbabit selesai, namun berlaku sebaliknya

'Makin diadu, makin banyak kolam udang haram baharu'



KOLAM udang yang dibina terlalu berhampiran dengan Sungai Kurau.
- Gambar NSTP/SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI

HAKISAN yang berlaku di Sungai Kurau.

apabila kolam haram itu semakin bertambah.

"Dulu, hanya ada dua hingga tiga kolam dibina diatas tanah seluas 16 hektar namun kini, lebih 100 kolam dibina di atas tanah yang bukan dalam zon akuakultur.

"Projek pembinaan kolam udang ini langsung tiada papan tanda dan kita tidak tahu siapa meluluskannya.

"Lebih merisaukan apabila kolam itu wujud hanya dua meter dari gigi sungai dan pasti tidak mengikuti spesifikasi ditetapkan yang

mana sekiranya keluasan sungai 40 meter, maka kolam itu juga perlu dibuat 40 meter daripada gigi air," katanya.

Mohd Radzi ditemui pada Sesi Dialog Nelayan Pantai Bersama Agensi Kerajaan, Seklasa lalu, anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Parliment Parit Buntar, Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan Persatuan Pendidikan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring).

Menurut Mohd Radzi, pelbagai aduan dikemukakan termasuk di media, namun isu terbabit bagi tiada kesudahan seolah-olah pengusaha kolam haram ini kebal tindakan.

"Sekarang, bila kita adu perkara ini kepada agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Pejabat Tanah



Persoalannya, siapa datang di sebalik pembinaan kolam terbabit dan mengapa umpama tiada tindakan susulan diambil terhadap kolam itu?"

Mohd Radzi

dan Daerah dan sebagainya, ia seolah-olah buang masa. Tiada jawapan dan tindakan.

"Sudah tiba masanya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turun padang dan melihat betapa serius isu kolam udang haram ini.

"Kita minta SPRM siasat

siapa dalangnya dan siapa meluluskan pembinaan kolam udang ini sedangkan ia bukan zon akuakultur," katanya.

Mohd Radzi berkata, pendapatan nelayan sungai terjejas teruk dan jika projek kolam haram itu terus berjalan, pasti nelayan sungai terbeban meman-

dangkan air sisa buangan kolam membunuh semua hidupan di Sungai Kurau.

Tambahnya, ada individu yang bersungguh-sungguh menentang projek kolam udang haram itu diugut pihak tertentu supaya berdiam diri.

"Selagi perkara ini tidak selesai, selagi itu saya berjuang membela nasib nelayan pantai, khususnya di sini. Ini tempat kami cari makan dan jangan tabur pasir dalam periuk nasi kami," tegasnya.

Pada masa sama, Ahli Parliment Parit Buntar Mohd Misbahul Munir Masduki berkata, masalah kolam udang haram tidak hanya berlaku di Kerian, malah turut menimpa daerah di negeri berhampiran laut.

Menurutnya, pihaknya berharap kerajaan menjalankan siasatan telus dan saksama berkaitan isu di lokasi berkenaan.

"Hentikan jika ia tidak berlesen dan kenakan hukuman wajar pada pengusaha kolam udang haram ini.

"Jika sukar diselesaikan, beri lesen pada pengusaha, namun perlu melalui saluran betul dan mengikut spesifikasi ditetapkan," katanya.

Sementara itu, tinjauan di lokasi mendapati, projek mengorek tanah giat dilakukan pihak tertentu.

Pada Jun 2022, Harian Metro menyiarkan masalah ini dengan mengusulkan kepada kerajaan supaya melakukan siasatan serta menghentikan projek kolam udang haram terbabit.

Namun, difahamkan, tiada sebarang tindakan diambil malah kolam terbabit semakin bertambah.